

08 MAY 2001

Buruh-Mesyuarat

MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL BURUH ASEAN BERMULA

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Mesyuarat kelapan jawatankuasa kecil Asean mengenai hal ehwal buruh bermula di sini hari ini sebelum Mesyuarat menteri-menteri Buruh Asean (ALMM) ke-15 Khamis ini.

Mesyuarat jawatankuasa kecil yang dihadiri wakil 10 negara anggota Asean itu bertujuan mewujudkan satu agenda bagi forum peringkat menteri yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mesyuarat hari ini akan menetapkan satu agenda untuk esok (mesyuarat pegawai kanan buruh) dan Khamis (ALMM) dan mesyuarat peringkat menteri Asean campur tiga (China, Korea Selatan dan Jepun) pada hari Jumaat," kata Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Datuk Syed Muhamad Syed Abdul Kadir.

Katanya mesyuarat jawatankuasa kecil itu akan menilai kemajuan projek sejak mesyuarat Menteri Buruh Asean di Manila tahun lepas.

"Kami mengkaji laporan kemajuan mengenai projek-projek yang telah kami jalankan sepanjang tahun lepas dan juga sedang membincangkan cadangan yang dibuat oleh sekretariat Asean bagi pembangunan sumber manusia di rantau ini," katanya kepada pemberita pada mesyuarat sampingan hari ini.

Beliau berkata mesyuarat jawatankuasa kecil itu juga akan membincangkan keputusan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) terhadap buruh paksa di Myanmar supaya Asean boleh mengambil pendirian bersama mengenai perkara itu.

ILO akan bermesyuarat di Geneva bulan depan bagi membincangkan lebih lanjut isu itu dan ia merupakan satu daripada desakan Asean bagi pendirian bersama terhadap masalah yang membabitkan Myanmar.

Asean dianggotai Malaysia, Thailand, Vietnam, Kemboja, Myanmar, Singapura, Indonesia, Filipina, Laos dan Brunei.

Ditanya jika ada isu khusus mengenai ekonomi yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu, Syed Muhamad berkata walaupun tidak ada, semua isu membabitkan buruh yang berbangkit akibat masalah ekonomi global akan dibincangkan.

Objektif ALMM kali ini adalah untuk menangani isu kepentingan bersama dalam bidang buruh yang menjejaskan rantau Asean dan memulakan projek yang boleh meningkatkan keupayaan sumber manusia dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Semua 10 negara anggota akan diwakili Menteri Buruh atau Sumber Manusia masing-masing manakala tiga negara jemputan akan diwakili timbalan menteri buruh masing-masing.

ALMM kali ini adalah yang ketiga anjuran Malaysia selepas ALMM ketiga pada 1980 dan ALMM kelapan pada 1990. ALMM kali ini akan dihadiri 50 perwakilan daripada negara anggota dan tiga negara jemputan.

Mengenai mesyuarat Asean campur tiga, Syed Muhamad berkata Korea Selatan, China dan Jepun berminat untuk mencapai pendekatan bersama dalam pembangunan sumber manusia dan mencari penyelesaian kepada masalah melalui bantuan teknikal dan perkongsian kepakaran.

"Mungkin mesyuarat (Asean campur tiga) akan merumus rangka kerja bagi kerjasama pada masa depan antara Asean dan mereka," katanya dan menambah bahawa walaupun Korea Selatan belum mengesahkan penyertaan, mereka telah menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat itu.

Semua menteri-menteri Asean yang menghadiri mesyuarat itu juga dijemput menyertai perhimpunan Hari Pekerja yang dijadualkan pada 12 Mei di sini.

-- BERNAMA

SR AHH LAT